

17 SEP 2001

JENAZAH DATUK JAFFAR TIBA

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Jenazah Datuk Jaffar Mohamed Ali yang meninggal dunia di Chicago pada Khamis, 13 Sept lepas kerana sakit jantung, tiba di Stesen TUDM Subang di sini hari ini.

Jenazah itu tiba dengan pesawat TUDM dari Singapura pada pukul 9.30 pagi dengan diiringi isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali yang juga kakaknya, dan balu allahyarham Datin Juriah Jaffar.

Yang berada di lapangan terbang untuk menyambut ketibaan jenazah Jaffar ialah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan anggota keluarga yang lain termasuk abang allahyarham Jen (B) Tan Sri Hashim serta kakaknya Datuk Paduka Saleha.

Jenazah kemudian dibawa ke kediaman allahyarham di 109, Jalan Ampang Hilir dan dijangka dikebumikan di tanah perkuburan Islam Jalan Ampang pada pukul 3 petang.

Allahyarham Jaffar, 68, ialah seorang tokoh industri pengiklanan, meninggal dunia ketika sedang bercuti bersama keluarga di Chicago.

Allahyarham meninggalkan seorang anak perempuan Salina.

-- ERNAMA

MAM AFY RON